

→ KOPERASI

ANGKASA latih 12 pegawai Mauritius

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]



Abdul Fattah (kiri) mengadakan sidang media di Bandar Sunway, semalam.

④ Dalami ilmu mengenai pembangunan koperasi mulai tahun depan

Oleh **Rozdan Mazalan**
rozdan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan menerima 12 pegawai dari Koperasi Apex Mauritius untuk dilatih bagi membangunkan sektor berkendalian negara itu.

Presiden ANGKASA, Datuk Ab-

dul Fattah Abdullah, berkata pihaknya bersetuju bekerjasama dengan Kementerian Koperasi Mauritius yang memerlukan khidmat ANGKASA bagi melatih pegawai-nya bermula tahun depan.

"Hari ini (semalam), saya menerima kunjungan Menteri Kementerian Koperasi Mauritius yang memohon bantuan kita untuk menempatkan 12 pegawainya agar dapat mempelajari bagaimana ANGKASA berperanan.

Penghargaan buat ANGKASA

"Bagi saya, ia penghargaan buat negara khususnya ANGKASA yang dijadikan contoh oleh negara luar bagaimana kita membantu ahli koperasi bernaung di bawah ANGKASA," katanya.

Beliau ditemui pada Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017 di Sunway Resort

Hotel & Spa, di sini semalam.

ICA yang dijadikan acara dwi tahunan, membabitkan pembentangan 41 kertas kerja untuk dijadikan resolusi diangkat di negara peserta, seterusnya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Abdul Fattah berkata, bengkel hari kedua menolak beberapa cadangan yang tidak boleh diangkat sebagai resolusi kerana bertentangan dengan prinsip koperasi, antaranya menggabungkan keseluruhan koperasi di negara masing-masing.

"Kami berpendapat ia bertentangan dengan semangat koperasi, autonomi dan demokrasi lalu ditolak jawatankuasa ICA. Ada juga cadangan membenarkan organisasi menjadi ahli untuk menambah modal koperasi, namun tidak dipersetujui," katanya.